

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

N IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI F

**PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN KANAK-KANAK PERKEMBANGAN
LEWAT GLOBAL**

RUSMARINI AWANG

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN KHAS)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKA

IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PEN

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau perkembangan seorang kanak-kanak yang mengalami masalah perkembangan lewat global daripada aspek sejarah perkembangan sebelum dan selepas kelahiran. Faktor yang diberi fokus meliputi perkembangan kognitif, sosio-emosi, fizikal serta bahasa dan komunikasi. Kajian juga cuba mengenal pasti faktor luaran dan dalaman yang mempengaruhi perkembangan kanak-kanak serta usaha-usaha yang dilakukan oleh ibu bapa dan guru untuk mempertingkatkan keupayaan kanak-kanak tersebut. Kajian ini merupakan kajian kes yang menggunakan teknik pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Proses pengumpulan data mengambil masa selama lima bulan bermula daripada Jun sehingga November 2012. Subjek kajian merupakan seorang kanak-kanak perempuan berusia lapan tahun yang ditempatkan di dalam kelas Program Pendidikan Khas Integrasi. Dapatan kajian menunjukkan kanak-kanak ini mempunyai tahap perkembangan kognitif, sosial dan emosi, fizikal dan bahasa dan komunikasi yang terbatas berbanding rakan-rakan lain yang sekelas dengannya. Namun begitu kanak-kanak tersebut amat berminat terhadap aktiviti yang berbentuk *hands-on*. Kajian juga mendapati guru-guru tidak berupaya menyediakan Rancangan Pengajaran Individu (RPI) yang bersesuaian dengan keperluan dan kebolehan kanak-kanak. Ini berkemungkinan disebabkan guru kurang berpengalaman dengan kanak-kanak kategori perkembangan lewat global. Kanak-kanak dilihat sering tidur dalam kelas kerana kekurangan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang menarik minatnya. Sikap ibu bapa dan pembantu rumah yang terlalu memanjakan kanak-kanak tersebut tidak menggalakkannya untuk berdikari dan sering memberontak seperti memukul pembantu rumah serta membaling barang-barang yang berada di hadapannya. Adalah dicadangkan agar ibu bapa, pakar perubatan dan pakar pendidikan khas terlibat dalam menyediakan RPI kanak-kanak ini bagi menghasilkan aktiviti pembelajaran yang realistik dan benar-benar memenuhi keperluan kanak-kanak berkeperluan khas. Keperluan ini timbul kerana kanak-kanak perkembangan lewat global jarang berada di dalam Program Pendidikan Khas Integrasi Kementerian Pelajaran Malaysia.



LEARNING PROGRESSION OF A CHILD WITH GLOBAL DEVELOPMENTAL DELAY (GDD)

ABSTRACT

The aim of this study was to explore the historical of a child with global developmental delay before and after birth. The focus were on factors concerning cognitive, social-emotional, physical, language and communication development. The study tried to identify external and internal factors that influenced the child's development and efforts undertaken by parents and teachers to augment the child's potentials. This was a case study that used and observation, interviews and document analysis techniques. The data gathering process took five months, from June to November 2012. The subject of this study was a female child, aged 8 years old placed in special class of an Integrated Special Education Program. The findings of the study indicated that the child's cognitive, social and emotional, physical, language and communication development was very limited compared with her class peers. Nevertheless, the child was very keen on hands-on activities. The study discovered that teachers have difficulties in developing an appropriate Individual Education Plan (IEP) based the child's potentials. This could be due to their lack of experiences in handling the needs of a child with global developmental delay. The child frequently dozed in class due to lack of activities of her interest. The child's parent and maid pampering did not encourage the child to be independent and frequently tantrums such as hitting the maids and throwing objects in front of her. It is recommended that parents, medical specialist and special education specialists be involved in developing the child's IEP to ensure that the learning activities are realistic and appropriate to her needs and potentials. This is necessary because children with global developmental delay are rarely found the Ministry of Education Malaysia special education programs.

1.00 % Pendidikan Sultan Idris
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Jalan 10/500, Bandar Baru
Sungai Petani, Kedah Darul Aman
04080, Malaysia

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	
PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI LAMPIRAN	xii

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latarbelakang	4
1.3 Pernyataan masalah	6
1.4 Objektif kajian	9
1.5 Persoalan kajian	10
1.6 Kerangka konseptual kajian	11
1.7 Signifikan kajian	12
1.8 Skop kajian	14
1.9 Batasan kajian	14
1.10 Istilah kajian	15
1.10.1 Kanak-kanak keperluan khas	15
1.10.2 Perkembangan lewat global (<i>Global delay development</i>)	16
1.10.3 Guru pendidikan khas	17
1.10.4 Perkembangan kognitif	17

1.10.5 Perkembangan sosio-emosi	17
1.10.6 Perkembangan fizikal	18
1.10.7 Kajian kes	19
1.11 Rumusan	20
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	21
2.2 Definisi kanak-kanak perkembangan lewat	23
2.3 Ciri-ciri perkembangan lewat	34
2.4 Latar belakang kanak-kanak perkembangan lewat di Malaysia	38
2.5 Kajian-kajian kanak-kanak berkeperluan khas di luar negara	48
2.5.1 Kanak-kanak berkeperluan khas di Taiwan	48
2.5.2 Kanak-kanak berkeperluan khas di Haiti	50
2.5.3 Kanak-kanak berkeperluan khas di China	53
2.5.4 Kanak-kanak berkeperluan khas di Thailand	55
2.5.5 Kanak-kanak berkeperluan khas di Ukraine	57
2.6 Faktor-faktor yang mempengaruhi kanak-kanak perkembangan lewat	59
2.6.1 Perkembangan kognitif	59
2.6.2 Perkembangan emosi	63
2.6.3 Kemahiran sosial	65
2.6.4 Perkembangan Fizikal	67
2.7 Usaha-usaha yang telah dilaksanakan untuk meningkatkan perkembangan kanak-kanak GDD.	71
2.7.1 Intervensi awal	72
2.7.2 Peranan ibu bapa	80
2.7.3 Tenaga pengajar	86
2.7.4 Rancangan pendidikan individu (RPI)	98
2.8 Rumusan	106

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	107
3.2	Reka bentuk kajian	108
3.3	Persampelan kajian	110
3.4	Kaedah pengumpulan data	114
3.4.1	Pemerhatian di dalam kelas	115
3.4.2	Temu bual	120
3.4.3	Analisis dokumen yang terdahulu	123
3.5	Jangka masa kajian	124
3.5.1	Peringkat pertama	125
3.5.2	Peringkat kedua	126
3.6	Kesahan kajian	127
3.6.1	Data triangulasi	127
3.6.2	Guru pendidikan khas bertindak sebagai semakan semula transkrip video dan temu bual.	130
3.6.3	Pemerhatian jangka panjang	130
3.7	Kajian rintis	131
3.8	Analisis data	134
3.9	Rumusan	136

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	138
4.2.	Soalan 1: Bagaimanakah sejarah perkembangan kanak-kanak yang dikaji sebelum dan selepas kelahiran?	139
4.2.1	Sebelum kelahiran	139
4.2.2	Selepas kelahiran	140
4.2.3	Keadaan di sekolah	151
4.2.4	Maklumat diri berdasarkan bukti-bukti dokumen	153

4.3	Soalan 2: Sejauh manakah tahap perkembangan kognitif, sosio-emosi, fizikal dan komunikasi kanak-kanak bermasalah GDD yang dikaji?	156
4.3.1	Perkembangan kognitif	159
4.3.2	Perkembangan sosio-emosi	199
4.3.3	Perkembangan motor halus dan kasar	233
4.3.4	Perkembangan bahasa dan komunikasi	246
4.4	Soalan 3: Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi kanak-kanak GDD tersebut?	255
4.4.1	Faktor kendiri	255
4.4.2	Faktor keluarga	266
4.4.3	Tenaga pengajar	268
4.5	Soalan 4: Apakah usaha-usaha ibu bapa dan guru yang telah dilaksanakan untuk meningkatkan perkembangan kognitif, sosio-emosi, fizikal dan komunikasi kanak-kanak GDD tersebut?	283
4.5.1	Peranan Ibu Bapa	283
4.5.2	Tenaga pengajar	291
4.6	Kesimpulan	296
 BAB 5 RUMUSAN, DAPATAN DAN CADANGAN		
5.1	Pendahuluan	298
5.2	Perbincangan dapatan	2999
5.2.1	Sejarah perkembangan kanak-kanak berdasarkan perkembangan lewat global yang dikaji sebelum dan selepas kelahiran.	299
5.2.2	Tahap perkembangan kognitif, sosio-emosi, fizikal dan komunikasi kanak-kanak bermasalah perkembangan lewat global yang dikaji.	302
5.2.3	Faktor-faktor yang mempengaruhi kelewatan perkembangan kanak-kanak Perkembangan Lewat Global (GDD)	307

5.2.4 Usaha-usaha ibu bapa dan guru yang telah dilaksanakan untuk meningkatkan tahap perkembangan kanak-kanak GDD.	310
5.3 Cadangan	312
5.4 Sumbangan kajian	319
5.5 Kesimpulan	320
RUJUKAN	324
LAMPIRAN A	339
LAMPIRAN B	340
LAMPIRAN C	341
LAMPIRAN D	342
LAMPIRAN E	353
LAMPIRAN F	376
LAMPIRAN G	429

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Statistik perkembangan kanak-kanak perkembangan lewat di Taiwan	25
2.2	Bilangan Institusi di bawah JKM	47
3.1	Jadual pemerhatian di sekolah	119
3.2	Bilangan responden yang ditemui bual	123
3.3	Dokumen-dokumen yang digunakan dalam analisis data	124
3.4	Matrik pengumpulan data	135
4.1	Rumusan dokumen yang digunakan dalam analisis data	154
4.2	Laporan status murid	155
4.3	Laporan tahap kefungsian subjek	155
4.4	Rumusan aktiviti PdP melalui kaedah pemerhatian di sekolah	157
4.5	Keterangan pemerhatian berdasarkan aktiviti mengikut perkembangan kognitif	161
4.6	Rumusan catatan harian murid berdasarkan mata pelajaran	169
4.7	Catatan harian murid pendidikan khas mengikut mata pelajaran Bahasa Inggeris	169
4.8	Harian murid pendidikan khas mengikut mata pelajaran Pendidikan Seni	170
4.9	Catatan harian murid pendidikan khas mengikut mata pelajaran Kemahiran Manipulatif	171
4.10	Catatan harian murid pendidikan khas mengikut mata pelajaran Pengurusan tingkah laku	173
4.11	Catatan Harian Murid Pendidikan Khas Mengikut Mata pelajaran Pendidikan Islam	174

4.12	Catatan harian murid pendidikan khas mengikut mata pelajaran Pengurusan Diri	177
4.13	Catatan harian murid pendidikan khas mengikut mata pelajaran Matematik	181
4.14	Catatan harian murid pendidikan khas mengikut mata pelajaran Pendidikan Jamani	182
4.15	Catatan Harian Murid Pendidikan Khas Mengikut Mata Bahasa Melayu	182
4.16	Rumusan temu bual berdasarkan perkembangan kognitif	186
4.17	Rumusan pemerhatian berdasarkan aktiviti mengikut perkembangan sosio-emosi	201
4.18	Rumusan temu bual berdasarkan perkembangan sosio-emosi	220
4.19	Rumusan pemerhatian berdasarkan aktiviti mengikut perkembangan fizikal	234
4.20	Rumusan temu bual berdasarkan perkembangan fizikal	242
4.21	Rumusan pemerhatian berdasarkan aktiviti mengikut perkembangan bahasa dan komunikasi	246
4.22	Rumusan temu bual berdasarkan bahasa dan komunikasi	251
4.23	Kekuatan subjek ketika sesi pemerhatian di dalam kelas	259
4.24	Kelemahan subjek ketika seisi pemerhatian di dalam kelas	259
4.25	Sikap tenaga pengajar ketika sesi pemerhatian di dalam kelas	269

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1. 1 Kerangka konseptual kajian	11
2.1 Algorithm for the evaluation of the child with developmental delay.	31

SENARAI LAMPIRAN

- A Kebenaran menggunakan anak saya sebagai subjek kajian**
- B Soalan temu bual ibu**
- C Soalan temu bual guru**
- D Koding temu bual ibu subjek**
- E Koding temu bual guru**
- F Koding temu bual guru**
- G Surat-surat**

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pendidikan khas di Malaysia merupakan program pendidikan yang dibentuk khusus untuk memenuhi keperluan kanak-kanak yang berkeperluan khas. Mengikut Zainal dan Suhaila (2010) pendidikan khas didefinisikan sebagai satu bentuk pendidikan yang disediakan untuk memenuhi keperluan kanak-kanak berkeperluan khas. Secara umumnya, mereka berpendapat bahawa kanak-kanak yang memerlukan pendidikan khas selalunya memiliki ciri-ciri tertentu yang menyekat mereka mengikuti persekolahan seperti kanak-kanak normal.

Di Malaysia, Program pendidikan khas terdiri daripada sekolah khas, program integrasi, pendidikan inklusif, program pemulihan khas, sekolah vokasional, latihan di pusat pemulihan dalam komuniti, taman sinar harapan juga turut disediakan kepada individu berkeperluan khas. Program ini disediakan khusus untuk membantu kanak-kanak berkeperluan khas mendapatkan pendidikan dan bimbingan yang bersesuaian dengan kecacatan kanak-kanak daripada awal usia sehingga tamat persekolahan.

Melalui peraturan-peraturan pendidikan khas 1997 (bahagian satu dan dua m.s 147-148) berkuatkuasa pada 1 Januari 1998 memberi peruntukan murid-murid yang mempunyai kecacatan penglihatan atau pendengaran atau mempunyai masalah pembelajaran. Oleh itu, kanak-kanak yang dikenalpasti bermasalah penglihatan, pendengaran atau pembelajaran adalah dikategorikan sebagai murid-murid dengan keperluan khas menurut peraturan pendidikan ini dan layak mendapatkan pendidikan khas. Selain itu, peraturan di atas juga menjelaskan tentang program yang terlibat dalam pendidikan khas seperti sekolah khas untuk murid yang mempunyai kecacatan penglihatan atau pendengaran, sekolah integrasi untuk murid yang mempunyai kecacatan penglihatan atau pendengaran atau masalah pembelajaran dan pendidikan inklusif bagi murid-murid keperluan khas yang boleh menghadiri di dalam kelas biasa bersama-sama dengan murid biasa.

Dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (KPM, 2006-2010), hanya menyediakan pendidikan bagi murid yang mempunyai satu jenis kecacatan sahaja serta boleh mengurus diri seperti yang tertakluk dalam Peraturan Pendidikan

(Pendidikan Khas) 1997. Dalam pelan itu menyatakan murid-murid yang dikategorikan bermasalah pembelajaran ialah mereka yang mengalami masalah kognitif ringan, masalah tingkah laku, autisme, sindrom down, Attention Deficit Disorder (ADD), Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD) dan masalah pembelajaran khususnya disleksia. Sehingga 2005, terdapat 28 Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK), dua Sekolah Menengah Pendidikan Khas (SMPK), dua Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV) dan 973 Program Pendidikan Khas Integrasi.

Menurut Abd. Rahim (2007), program pendidikan dan latihan bagi individu berkeperluan khas yang tahap kecacatan sederhana dan sederhana teruk dikendalikan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Bagi orang-orang terencat akal, institusi khusus disediakan untuk mereka bagi memberi latihan dan pendidikan iaitu Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dan Taman Sinar Harapan. PDK menyediakan tempat bagi kanak-kanak yang tidak mengikuti kelas pendidikan khas. PDK memberikan perkhidmatan pendidikan dan latihan yang tertumpu kepada pemulihan dari segi pergerakan, pertuturan, kemahiran urus diri, dan pendidikan khas. PDK yang pertama ditubuhkan di Batu Rakit, Terengganu pada 1983 dengan kerjasama WHO (World Health Organization).

Taman Sinar Harapan pula ditubuhkan untuk melatih dan menjaga individu terencat akal yang teruk. Taman Sinar Harapan yang terdapat di seluruh Malaysia ialah Taman Sinar Harapan Tampoi, Johor Bharu, Taman Sinar Harapan Jubilee,

Johor Bharu. Taman Sinar Harapan Tengku Ampuan Najihah, Seremban. Taman Sinar Harapan Kuala Terengganu dan Taman Sinar Harapan Kuala Kubu Baharu. Program latihan yang disediakan di Taman-taman Sinar Harapan ini bergantung kepada tahap keupayaan fizikal dan mental penghuninya iaitu kelas akademik tidak formal, latihan pra vokasional seperti jahitan, pekebunan, urusan rumah tangga, kraftangan, bengkel, dobi dan kegiatan harian. Selain itu, aktiviti pemulihan pula merupakan aktiviti hidup seharian, pemulihan cara kerja, pemulihan anggota, terapi muzik dan terapi pertuturan. Selain itu juga pendidikan agama dan moral juga dititikberatkan, sukan dan rekreasi serta aktiviti luar termasuk berkelah, bersiar-siar dan lain-lain (Jabatan Kebajikan Masyarakat).

1.2 Latarbelakang

Pendidikan di Malaysia menekankan kepada pembentukan insan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek sebagaimana yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK):

"Pendidikan di Malaysia adalah usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan dalam mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan Negara"

(Kementerian Pelajaran Malaysia, 2005; m.s 11)

Dalam mencapai kemakmuran negara, rakyat negara ini perlu seimbang dari segi ilmu pengetahuan, ketrampilan, berakh�ak serta mempunyai berkeupayaan untuk mensejahterakan diri sendiri dan memberi manfaat kepada masyarakat dan negera keseluruhannya. Sebagai rakyat Malaysia, kanak-kanak khas juga tergolong sebagai ahli masyarakat dan kepentingan mereka turut diambil kira dalam sebarang perancangan dasar pendidikan negara.

Menurut Akta Pendidikan Wajib (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2005, m.s 22), setiap kanak-kanak yang telah mencapai umur 6 tahun pada hari pertama bulan Januari dalam tahun persekolahan semasa hendaklah mengikuti pendidikan rendah selama tempoh pendidikan rendah. Pelaksanaan Pendidikan wajib di peringkat rendah telah mula dikuatkuasa pada 1 Januari 2003. Kegagalan ibu bapa menyekolahkan anak mereka menjadi satu kesalahan dan boleh didenda RM5,000 atau dipenjarakan (seksyen 29A dalam Pendidikan wajib 2008; m.s 22). Pendidikan wajib diwujudkan adalah untuk membasmi keciciran dan menentukan semua kanak-kanak bersekolah termasuklah golongan berkeperluan khas.

Kanak-kanak berkeperluan khas juga adalah tidak terkecuali daripada Akta Pendidikan Wajib. Sepertimana kanak-kanak normal, mereka perlu mengikuti pendidikan rendah selama 6 tahun (Bahagian Pendidikan Khas, 2008 ; m.s 9). Dasar ini adalah selaras dengan dasar United Nation Bengt Lindqvist; *UN-Special Rapporteur on Disability* (1994) dalam Watterdal dan rakannya (2008; m.s 8) yang menjelaskan:

All children and young people of the world, with their individual strengths and weakness, with their hopes and expectations, have the right to an education. It is not our education system that has the right to a certain types of children. Therefore, it is the school system of a country that must be adjusted to meet the needs of all its children.

(Bengt Lindqvist, 1994 dalam Watterdal dan rakannya, 2008 m.s 8)

Berdasarkan Bernheimer, Keogh, & Coots, 1993; McLean, Smith, McCormick, Schakel & McEvoy, 1991 dalam Christine, Sara and Keith (2007) menjelaskan pengenalan perkembangan lewat dipilih untuk mempunyai kelayakan membolehkan kanak-kanak tersebut mampu menerima perkhidmatan pendidikan yang diperlukan tanpa diberikan label kecacatan tertentu.

Namun begitu, tidak banyak yang diketahui tentang perkembangan pembelajaran kanak-kanak perkembangan lewat global di Malaysia. Program pendidikan khas di Malaysia banyak bertumpu kepada program untuk kanak-kanak buta, pekak, dan masalah pembelajaran yang di dalamnya mengandungi pelbagai jenis masalah lain, termasuklah perkembangan lewat global.

1.3 Pernyataan masalah

Secara amnya kanak-kanak yang mengalami perkembangan lewat menghadapi masalah dalam empat (4) jenis perkembangan iaitu kognitif, sosio-emosi, fizikal serta

komunikasi. Sejauhmana kanak-kanak ini boleh menyesuaikan diri dengan masalah tersebut akan menentukan kualiti hidup mereka pada masa hadapan.

Setakat pembacaan pengkaji, kajian tentang kanak-kanak yang mengalami perkembangan lewat global di Malaysia adalah terhad dan ia juga tidak dijalankan secara komprehensif oleh mana-mana penyelidik. Kajian sedia ada lebih memberi fokus kepada faktor luaran yang memberi kesan kepada kanak-kanak tersebut. Oleh itu kajian ini diharap akan menjadi pelapor bagi kajian-kajian akan datang dan akan jadi sumber rujukan bagi kajian di masa hadapan.

Pada ketika ini KPM menyediakan perkhidmatan pendidikan khas bagi kategori masalah penglihatan, masalah pendengaran, dan masalah pembelajaran. Kategori paling ramai ialah masalah pembelajaran. Bagi kategori keperluan khas yang lain, tiada perkhidmatan pendidikan yang khusus disediakan oleh KPM. Namun begitu, dalam kelas masalah pembelajaran, terdapat murid yang mengalami pelbagai masalah seperti kognitif ringan, masalah tingkah laku, autism, sindrom down, kurang tumpuan (ADD), dan disleksia. Mengikut Norani dan rakannya (1999), seramai 3,103 (9.0 peratus) daripada 34,178 kanak-kanak di kelas-kelas prasekolah seluruh negara adalah terdiri daripada mereka yang berkeperluan khas pelbagai kategori. Statistik Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan (2008; m.s 16) seramai 17,214 murid bermasalah pembelajaran berada dalam Program Pendidikan Khas Integrasi Bermasalah Pembelajaran. Bagi kategori kurang upaya yang agak teruk atau cacat fizikal, perkhidmatan pendidikan disediakan di Pusat Pemulihan

dalam Komuniti dibawah kendalian Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Justeru, murid-murid yang menghadapi masalah perkembangan lewat di Malaysia dimasukkan di bawah kategori umum masalah pembelajaran. Tiada statistik murid dalam kategori ini yang diperolehi. Ini berbeza dengan apa yang berlaku di negara maju seperti di Amerika Syarikat misalnya, yang mana 33% daripada kanak-kanak tadika di Florida diklasifikasikan sebagai perkembangan lewat, ini menjadikannya kategori kedua yang paling biasabagi umur kanak-kanak prasekolah mengalami masalah tersebut (Christine, Sara dan Keith, 2007). Kekerapan ini menunjukkan betapa pentingnya memastikan tempat yang sesuai bagi kanak-kanak berisiko ini mendapatkan pendidikan dan bimbingan bagi menjamin masa hadapan mereka agar tidak ketinggalan dan dapat bersaing dengan kanak-kanak yang normal.

Terdapat beberapa kajian yang memfokuskan kepada aspek tertentu seperti pandangan dan penglibatan ibu bapa terhadap kanak-kanak perkembangan lewat oleh Hsieh, Huang, Lin, Wu dan Lee (2008); Marquis dan Ross (2000); Passey dan Feldma (2004); Romski (2011); serta Nihira, Weisner dan Lucinda (1994). Selain itu, Huang (2007) pula melihat kepada kesan ekonomi dan campurtangan pihak yang berkaitan ke atas kanak-kanak perkembangan lewat. Manakala Miller, Rauh, Glied, Hattis, Rundle, Howard dan Perera (2006); Slykerman, dan lain-lain (2007); Kristensen dan Torgersen (2008); Mercer and Glenn, (2004); Davie, Dunn, dan lain-lain (2011) mengkaji tentang kesan awal ke atas kanak-kanak perkembangan lewat. Koruk,

Simsek, Tekin Koruk, Doni dan Gurses, (2010) dan Brian (2006) pula melihat perkembangan psikomotor yang lambat dan Michael, Robert, Brian dan Mary (2002) mengkaji aspek perkembangan sosial dan komunikasi dengan rakan sebaya.

Namun begitu, kajian yang menyeluruh dan terperinci tentang kanak-kanak perkembangan lewat sukar ditemui, khususnya di Malaysia. Oleh sebab itu, satu kajian perlu dijalankan untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman umum tentang kanak-kanak perkembangan lewat di Malaysia, seterusnya mencari kaedah yang bersesuaian untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak golongan ini.

1.4 Objektif kajian

Kajian ini merupakan kajian kes mengenai perkembangan kanak-kanak berkeperluan khas yang mempunyai masalah perkembangan lewat di dalam aktiviti pembelajaran dan kehidupan sehariannya. Secara khusus, objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Memahami sejarah perkembangan kanak-kanak yang dikaji sebelum dan selepas kelahiran.
2. Memahami tahap perkembangan kognitif, sosio-emosi, fizikal dan komunikasi kanak-kanak bermasalah perkembangan lewat global yang dikaji.

3. Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan kognitif, sosio-emosi, fizikal dan komunikasi kanak-kanak perlu dibincang.
4. Mengenalpasti usaha-usaha ibu bapa dan guru yang telah dilaksanakan untuk meningkatkan perkembangan kognitif, sosio-emosi, fizikal dan komunikasi kepada kanak-kanak perkembangan lewat global.


1.5 Persoalan kajian

Sejajar dengan tujuan dan objektif kajian, kajian ini secara khusus akan mendapatkan jawapan kepada soalan-soalan berikut:

- 1) Bagaimakah sejarah perkembangan kanak-kanak yang dikaji sebelum dan selepas kelahiran?
- 2) Sejauh manakah tahap perkembangan kognitif, sosio-emosi, fizikal dan komunikasi kanak-kanak bermasalah perkembangan lewat global yang dikaji?
- 3) Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi kelewatan perkembangan kanak-kanak tersebut?
- 4) Apakah usaha-usaha ibu bapa dan guru yang telah dilaksanakan untuk meningkatkan perkembangan kognitif, sosio-emosi, fizikal dan komunikasi kanak-kanak perkembangan lewat tersebut?

1.6 Kerangka konseptual kajian

Rajah dibawah menerangkan bahawa latar belakang perkembangan pembelajaran kanak-kanak perkembangan lewat global. Berdasarkan rajah tersebut, maka pengkaji akan meninjau proses perkembangan yang berlaku di sekolah melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang berkaitan dengan subjek; faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan kognitif, sosio-emosi, fizikal dan komunikasi serta usaha-usaha guru dan ibu subjek dalam meningkatkan lagi tahap pekembangan subjek. Rajah 1.1 merupakan kerangka konseptual kajian yang melibatkan kaedah pengumpulan data secara kualitatif.



Rajah 1. 1 Kerangka konseptual kajian

1.7 Signifikan kajian

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merupakan kementerian yang membantu kerajaan menangani masalah dalam masyarakat terutama berkaitan dengan kebajikan sosial. Penyelidik berharap agar dapatan kajian dapat memberikan manfaat dan membantu dalam menangani masalah sosial terutama dalam kanak-kanak berkeperluan khas dalam bentuk latihan dan pendidikan yang sesuai supaya golongan tersebut dapat berdikari dan memperoleh pekerjaan atau mencari rezeki dengan lebih mudah supaya kehidupan mereka lebih baik.

Kajian ini juga diharapkan dapat memberi manfaat dan kesedaran khususnya kepada pihak berkepentingan seperti Bahagian Pendidikan Khas dan juga Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) supaya lebih membuat pemantauan dan penambahbaikan tentang keistimewaan kanak-kanak keperluan khas dalam aspek pembelajaran dari semasa ke semasa selaras dengan transformasi pendidikan sekarang supaya lebih ramai murid yang bermutu, berilmu pengetahuan dan berdisiplin dapat dilahirkan menjelang tahun 2020. Sekiranya kanak-kanak yang cacat lebih daripada satu jenis kecacatan di ambil di bawah KPM, secara rasminya bantuan dari segi pengajaran dan pembelajaran dengan menyediakan segala keperluan kanak-kanak tersebut dapat disediakan.

Oleh itu, diharap kajian ini dapat memberi manfaat khusus kepada tenaga pengajar terlatih dan pembantu pengurusan kanak-kanak yang terlibat secara langsung